

# Helo **Kampus**

f helo kampus  
kampus@utusan.com.my

## Peluang temui pakar tani UPM



**PAKAR-PAKAR** pertanian UPM memberi penerangan mengenai teknik pertanian fertigasi kepada pengunjung Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM pada tahun lalu.

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my

**S**EKUMPULAN pakar pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan pameran dan demonstrasi berkaitan pertanian kepada orang ramai sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen yang ke-41 UPM pada 4 hingga 8 November ini.

Program Klinik Pertanian yang diadakan itu akan memberi khidmat nasihat dan perundingan untuk menaik taraf teknologi tanaman, penternakan, perikanan dan industri asas tani.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang mengemukakan pelbagai masalah atau pandangan berkaitan pertanian kepada kumpulan pakar tersebut.

Kumpulan pakar itu mempunyai kepakaran dalam ternakan haiwan, ikan keli, tanaman buah-buahan terutama nangka madu, dan pemprosesan makanan selain boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan pertanian melalui demonstrasi teknik bakaan tanaman, penanaman cendawan dan fertigasi.

Ekspo pertanian itu juga merupakan platform kepada agensi pertanian untuk mendapatkan kepakaran dalam bidang industri asas tani melalui tanaman dan pemprosesan



**HASIL** tanaman yang menggunakan teknologi terkini UPM yang dipamerkan kepada orang ramai.

bahan seperti susu, buah-buahan tempatan dan herba yang sering digunakan dalam pembuatan produk seperti keju, yogurt, jeruk dan sabun.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang melihat hasil-hasil penyelidikan baharu UPM dengan teknologi terkini yang sesuai untuk pertanian bandar.



**ORANG** ramai yang mengunjungi Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM pada tahun lalu.

## 6,000 anak pokok buah-buahan dijual

**K**IRA-KIRA 6,000 anak pokok buah-buahan yang dihasilkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) termasuk anak pokok durian akan dijual sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM ke-41 dari 3 hingga 8 November ini.

Antara anak pokok yang akan dijual ialah pokok durian daripada klon yang diminati ramai seperti D200 (*Duri Hitam*), D197 (*Raja Kunyit*), dan D168 (*Hajah Hasmah*).

Anak pokok buah-buahan lain seperti rambutan Anak Sekolah (R191), Mangga Cok Anan (MA224), Nangka Tekam Yellow (J33) dan Cempedak (CH28) turut dijual.

Yang menariknya, kesemua anak pokok yang dijual itu mendapat kelulusan pengesahan dari Jabatan Pertanian Malaysia dengan kerjasama Taman Pertanian Universiti UPM melalui Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Sempena ekspo itu, UPM turut menawarkan harga yang sangat berpatutan bagi setiap anak pokok yang dijual.

Pengunjung harap tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan anak benih pokok buah-buahan yang dijual dengan harga yang murah dan berkualiti daripada UPM itu.

**ANAK-ANAK** pokok benih buah-buahan tempatan yang akan dijual sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM.

